

15) APAKAH TERDAPAT PERANCANGAN RUMAH SELANGORKU DI DUSUN TUA

Adun : Y.B. Datuk Wira Johan Bin Abd Aziz (Dusun Tua)

Kategori : Bertulis

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

a) Jika ada sila nyatakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Sehingga 31 Mei 2025, terdapat **101 projek** dengan **55,671 unit** RSKU telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di seluruh Daerah Hulu Langat yang mana DUN Dusun Tua terletak di dalamnya. Daripada jumlah tersebut, **1 projek** dengan **68 unit** Rumah Selangorku (RSKU) telah siap dibina di kawasan Dun Dusun Tua.

Kerajaan Negeri amat prihatin dan komited dalam penyediaan perumahan mampu milik kepada golongan M40 ke bawah sama ada melalui pemilikan di bawah program Rumah Selangorku.

Dari segi perancangan Rumah Selangorku melalui Dasar Perumahan (Dasar Rumah Selangorku 3.0), pihak pemaju / pemilik tanah yang berhasrat membangunkan perumahan akan dikenakan syarat untuk membina Rumah Selangorku berdasarkan kepada keluasan pembangunan dan ianya mengikut Zon / kawasan pembangunan. Untuk kawasan Dusun Tua, ianya terletak di dalam Zon 2 dan Zon 3 pembangunan yang mana tapak pembangunan 5 ekar hingga 10 ekar dikenakan syarat 20% Rumah Selangorku, 10 ekar hingga 20 ekar 30% Rumah Selangorku, 20 ekar hingga 50 ekar 40% Rumah Selangorku dan 50 ekar ke atas 40% Rumah Selangorku.

Harga jualan Rumah Selangorku 3.0 ini bermula dari RM114,750.00 hingga RM250,000.00 seunit dengan keluasan binaan dari 450 kaki persegi hingga 900 kaki persegi yang terdiri daripada jenis perumahan bertingkat dan bertanah.

Oleh itu, sekiranya terdapat cadangan pembangunan perumahan yang dikemukakan oleh pihak pemaju / pemilik tanah adalah menjadi keutamaan / tanggungjawab pihak LPHS untuk memastikan komposisi/ syarat pembangunan Rumah Selangorku tersebut dipatuhi berdasarkan Dasar Rumah Selangorku 3.0 bagi memastikan Rumah Selangorku berada di pasaran sekaligus boleh ditawarkan kepada pembeli yang layak termasuk golongan B40.